

Pendekatan baharu kerajaan negeri Kedah pupuk budaya kitar semula dalam kalangan rakyat

'Pandu lalu' buang sisa sampah

ALOR SETAR – Bagi menggalakkan orang awam untuk melaksanakan kitar semula dan mengamalkan pengasingan sisa di punca, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) negeri bersama Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan Environment Idaman Sdn. Bhd. (EISB) menganjurkan Program *Drive Thru* (pandu lalu) Sangkar Kitar Semula.

Datuk Bandar Alor Setar, Datuk Mohd. Zohdi Saad berkata, program itu merupakan langkah proaktif dalam memupuk budaya bersih bagi memastikan negeri Kedah bebas sampah-sarap selaras dengan agenda kerajaan negeri

ke arah sifar sisa sampah.

"Melalui program ini, kita ingin galakkan masyarakat dan kakitangan MBAS untuk melaksanakan program kitar semula dengan berkonsepkan amal jariah. Mereka boleh membawa dan membuang bahan kitar semula ke dalam sangkar yang disediakan di pekarangan pejabat MBAS.

"Kakitangan MBAS akan dilantik untuk menguruskan sangkar tersebut dan pihak EISB akan membuat kutipan di sangkar sebanyak dua kali sebulan dan jumlah berat barang akan didebitkan ke dalam kad melalui program 'Kitar Semula Untuk Kehidupan' (RFL)," katanya selepas melancarkan Program *Drive Thru* Sangkar Kitar

Semula di sini semalam.

Melalui program RFL, barang yang dikitar semula akan diberi ganjaran nilai debit menggunakan sistem tanpa tunai melalui penggunaan aplikasi kad pintar yang boleh digunakan untuk membeli barang di beberapa pasar raya antaranya Giant dan premis yang bekerjasama dengan program RFL.

Sementara itu, Pengarah SWCorp negeri, Hazahar Hashim berkata, dalam masa terdekat ini, pihaknya akan menubuhkan Unit Basikal SWCorp yang akan pergi ke taman-taman perumahan pada hari Jumaat dan Sabtu untuk memberi pendedahan berkenaan kepentingan melakukan pengasingan sisa di punca.



MOHD. ZOHDI (depan) menunjukkan sangkar yang dijadikan tempat pembuangan sampah sempena Program *Drive Thru* Sangkar Kitar Semula di Alor Setar semalam